



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKTOR KEJAYAAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) DALAM SEKTOR PERKILANGAN DI MALAYSIA

AHMAD ZAHIRUDDIN BIN YAHYA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKTOR KEJAYAAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)
DALAM SEKTOR PERKILANGAN
DI MALAYSIA.

AHMAD ZAHIRUDDIN BIN YAHYA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (KEUSAHAWANAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



28.9.2011



Tandatangan

AHMAD ZAHIRUDDIN BIN YAHYA

P20081000283



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izin Allah S.W.T tesis ini berjaya disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia tesis ini iaitu Profesor Dr. Abdul Jumaat Mahajar yang banyak memberikan panduan dan nasihat. Terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga untuk pemeriksa dalam yang telah memeriksa tesis ini dengan teliti dan penuh dedikasi iaitu Profesor Madya Dr. Haji Nek Kamal Yeop Yunus.

Tesis ini ditujukan buat Allahyarham ayahanda Yahya bin Zainun dan Allahyarhamah bonda Norkiah bt Haji Yaakob yang telah terlebih dahulu pergi menemui-Nya. Tidak ada kata-kata dapat menggambarkan penghargaan kepada mereka berdua yang sejak dari hari kelahiran lagi telah memberi didikan, galakan, sokongan, bantuan yang tidak ternilai.

Sudah pastinya tidak lupa juga buat isteri tercinta, Nor Azian dan anakanda yang dikasihi, Nur Ayesha Nadhira yang sentiasa memberikan sokongan selama ini.

Salam persaudaraan dan terima kasih juga buat abang-abang, kakak-kakak dan adik-adik (Allahyarham Zainal Anuar, Allahyarham Zainal Ekmar, Noor Faridah, Profesor Madya Ahmad Shukri, Fadzilah, Allahyarham Muhammad Bulqia, Allahyarham Muhammad Hamdan, Zainal Ikhsan dan Ahmad Azizuddin) dan ipar-duai (Tuan Haji Radzi Harun, Professor Fauziah Ahmad, Hayrol Aziz Ahmad, Suzilawati Abas, Hasnida, Zana) yang telah membentuk minat, keperibadian dan memberikan sokongan dalam pelbagai bentuk dengan penuh semangat kekeluargaan.

Juga dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, proses mendokumentasi serta menjalankan penyelidikan ini telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak, daripada ramai individu-individu seperti para pensyarah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar, para staf di Institut Pengajian Siswazah, rakan-rakan sepengajian dan rakan-rakan sejawat yang banyak memberi bantuan dan semangat.

Kepada semua yang tersebut dan yang tidak disebut yang terlibat dalam penghasilan tesis ini, terima kasih yang tidak terhingga dari saya dengan rasa penuh rendah diri dan ikhlas hati. Hanya Allah S.W.T jua yang dapat membalas jasa-jasa anda.

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk menyelami faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan yang terbabit dalam sektor perkilangan di Malaysia. Ini kerana kadar kegagalan yang tinggi di kalangan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) adalah sangat membimbangkan. Bagi yang berjaya, sudah pasti ada sesuatu yang boleh dipelajari tentang rahsia kejayaan mereka. Maka, objektif kajian ini adalah untuk menganalisa faktor kejayaan usahawan IKS berdasarkan empat perspektif iaitu penetapan matlamat, personaliti, pengetahuan dan motivasi dan instrumen kajian adalah berdasarkan empat pemboleh ubah ini. Ujian rintis telah dibuat dan penambahbaikan berkenaan telah dilakukan. Responden bagi kajian ini adalah usahawan yang telah memenangi anugerah *Enterprise-50* (E-50) yang merupakan pertandingan tahunan yang dianjurkan oleh SME Corp untuk memilih 50 orang usahawan yang berjaya berdasarkan kriteria tertentu dengan kerjasama firma audit bertauliah. Kadar respon adalah menggalakkan iaitu sebanyak 56.4 peratus. Data yang terima telah diproses menggunakan kaedah statistik seperti analisa deskriptif, min, *standard deviation*, ANOVA, korelasi dan regresi pelbagai. Hasil kajian mendapati bahawa kejayaan usahawan dalam sektor perkilangan di Malaysia dipengaruhi oleh usahawan yang membuat penetapan matlamat yang sukar tetapi jelas, usahawan yang mempunyai personaliti berorientasikan tindakan, usahawan yang mempunyai daya kepimpinan sendiri dan usahawan yang mempunyai motivasi dari sudut keperluan pencapaian.



ABSTRACT

This research is done to explore factors affecting the success of entrepreneurs who are involved in manufacturing sector in Malaysia. This is due to the fact that high failure rate among entrepreneurs of small and medium-sized industries (SMIs) is very alarming. To those who succeed, certainly there are something that can be learned from their success experience. Thus, the objectives of this research are to analyze factors affecting SMIs entrepreneurs based on four perspectives which are goal setting, personality, knowledge and motivation, and the instrument of this study will revolve around these four variables. Pilot test was conducted and due improvement had been done. Respondents of this study are entrepreneurs who have won *Enterprise-50* (E-50) award, which is an annual event organized by SME Corp to select 50 most successful entrepreneurs for the year, based on certain criteria, with the cooperation of certified audit firms. The response rate was encouraging that is 56.4 percent. Data received were processed using statistical methods such as descriptive analysis, mean, standard deviation, ANOVA, correlation and multiple regression. The result of this study found that the success of entrepreneurs in the manufacturing sector in Malaysia were affected by entrepreneurs who set a difficult but clear goals, entrepreneurs whose personality are orientation-based, entrepreneurs who possess self-leadership capability, and entrepreneurs whose motivation were derived from the needs of achievement.



KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xxi

BAB 1 PENGENALAN KEPADA PERMASALAHAN KAJIAN

1.1	Latarbelakang Kajian	1
1.2	Industri Kecil dan Sederhana (IKS)	4
1.3	Pernyataan masalah	8
1.4	Skop Kajian	11
1.5	Soalan Kajian	12
1.6	Objektif Kajian	12
1.7	Hipotesis Kajian	13
1.8	Faedah Kajian	14
1.9	Batasan Kajian	16
1.10	Signifikan Kajian	17
1.11	Definisi Istilah dan Operasional	18
1.11.1	Definisi Istilah	18
1.11.2	Definisi Operasional	19
1.12	Pengorganisasian Kajian	23
1.13	Rumusan	24

BAB 2 ULASAN KARYA DAN HIPOTESIS

2.1	Pengenalan	25
2.2	Kejayaan Usahawan	26
2.3	Penetapan Matlamat	30
2.3.1	Pengaturan-Kendiri dan Usahawan	31
2.3.2	Kajian Empirikal Tentang Pengaturan-Kendiri	34
2.3.3	Pengaturan-Kendiri dan Kejayaan Usahawan	36
2.3.4	Penetapan Matlamat Dalam Kerangka Pengaturan-Kendiri	38
2.3.5	Penetapan Matlamat Dalam Aktiviti Keusahawanan	39
2.3.6	Kajian Berkenaan Penetapan Matlamat	40
2.3.7	Kesan Matlamat Ke Atas Kerja Yang Kompleks	42
2.3.8	Matlamat Peribadi	43
2.3.9	Definisi Matlamat dalam Kajian Ini	47
2.3.10	Penetapan Matlamat dan Prestasi Keusahawanan	48
2.3.11	Kesukaran dan Kejelasan Matlamat	49
2.3.12	Jangkauan Masa Dalam Mencapai Matlamat	52
2.3.13	Kepentingan Matlamat	55
2.3.14	Matlamat Yang Realistik	56
2.4	Personaliti Usahawan	58
2.4.1	Personaliti berorientasikan tindakan dan keadaan	60
2.5	Pengetahuan	66
2.5.1	Teori Pengetahuan	67



2.5.2	Dapatan Semasa dan Perbincangan Lanjut tentang Pengetahuan	70
2.5.3	Badan Pengetahuan Yang Berkaitan Dengan Kejayaan Usahawan	73
2.5.4	Rumusan Faktor Pengetahuan	82
2.5.5	Perancangan dan Pengorganisasian	84
2.5.6	Kepimpinan Kendiri dan Kepimpinan Antara Insan	87
2.5.7	Pengurusan Sistem	89
2.6	Motivasi	90
2.7	Kerangka Teoritikal	97
2.8	Rumusan	103

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	105
3.2	Rekabentuk Kajian	107
3.3	Unit Analisa	109
3.4	Populasi Kajian	110
3.5	Proses Pensampelan	113
3.6	Sampel dan Kaedah Pensampelan	115
3.7	Teknik Pengumpulan Data	116
3.8	Instrumentasi Kajian	117
3.8.1	Bahagian A: Demografi	119
3.8.2	Bahagian B: Penetapan Matlamat	119
3.8.3	Bahagian C: Personaliti	123
3.8.4	Bahagian D: Pengetahuan	125
3.8.5	Bahagian E: Motivasi	130
3.8.6	Bahagian F: Pengukuran Kejayaan Usahawan	132
3.9	Kajian Rintis	136



3.10	Pengukuran dan Kesahan	137
3.10.1	Skala Pengukuran	138
3.10.2	Kesahan	140
3.11	Penganalisaan Data	141
3.11.1	Taburan kekerapan (Frequency distribution)	141
3.11.2	Taburan Kekerapan	142
3.11.3	Ujian Analisa Varian Sehalu (<i>One Way ANOVA</i>)	142
3.11.4	Pekali Korelasi Pearson	143
3.11.5	Regresi Berganda	144
3.12	Rumusan	145

BAB 4 DAPATAN HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	147
4.2	Rekabentuk Sampel Kajian	150
4.3	Taburan Ciri-ciri Demografi Responden	151
4.3.1	Umur	152
4.3.2	Jantina	153
4.3.3	Taraf Perkahwinan	153
4.3.4	Taraf Pendidikan	154
4.3.5	Status bumiputera atau bukan bumiputera	155
4.3.6	Klasifikasi saiz IKS	156
4.3.7	Tempoh berniaga perniagaan kini	157
4.3.8	Tempoh pengalaman berniaga secara keseluruhan	158
4.3.9	Pengalaman mengikuti kursus keusahawanan	159
4.3.10	Jenis pengilangan	160
4.3.11	Lokasi	161

4.3.12	Persepsi usahawan terhadap kemudahan infrastruktur di lokasi	163
4.4	Min dan Sisihan Piawai item-item kejayaan usahawan	164
4.5	Min dan Sisihan Piawai bagi Penetapan Matlamat - Kesukaran	165
4.6	Min dan Sisihan Piawai bagi Penetapan Matlamat - Kejelasan	166
4.7	Min dan Sisihan Piawai bagi Penetapan Matlamat – Jangkauan masa	167
4.8	Min dan Sisihan Piawai bagi Penetapan Matlamat – Kepentingan	168
4.9	Min dan Sisihan Piawai bagi Penetapan Matlamat - Realistik	169
4.10	Min dan Sisihan Piawai bagi Personaliti - Berorientasikan tindakan	170
4.11	Min dan Sisihan Piawai bagi Personaliti - Berorientasikan keadaan	171
4.12	Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan – Perancangan dan pengorganisasian	172
4.13	Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan – Kepimpinan sendiri	174
4.14	Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan – Kepimpinan antara insan	176
4.15	Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan – Pengurusan sistem	177
4.16	Min dan Sisihan Piawai bagi Motivasi - Keperluan pencapaian	179
4.17	Min dan Sisihan Piawai bagi Motivasi - Keperluan afiliasi	180

4.18	Perbezaan antara pemboleh ubah bebas dengan fenomena kejayaan usahawan	182
4.18.1	Fenomena kejayaan usahawan berdasarkan umur	182
4.18.2	Fenomena kejayaan usahawan berdasarkan taraf pendidikan	183
4.18.3	Fenomena kejayaan usahawan berdasarkan tempoh perniagaan semasa	184
4.18.4	Fenomena kejayaan usahawan berdasarkan tempoh perniagaan keseluruhan	185
4.18.5	Fenomena kejayaan usahawan berdasarkan penarafan infrastruktur	186
4.18.6	Fenomena kejayaan usahawan berdasarkan faktor penetapan matlamat	187
4.18.7	Fenomena kejayaan usahawan berdasarkan faktor personaliti	188
4.18.8	Fenomena kejayaan usahawan berdasarkan faktor pengetahuan	189
4.18.9	Fenomena kejayaan usahawan berdasarkan faktor motivasi	190
4.19	Perkaitan pemboleh ubah bebas dengan kejayaan usahawan	192
4.19.1	Perkaitan antara fenomena kejayaan usahawan dengan demografi terpilih	192
4.19.2	Perkaitan jantina dengan kejayaan usahawan	192
4.19.3	Perkaitan status dengan kejayaan usahawan	193
4.19.4	Perkaitan umur dengan kejayaan	194

	usahawan	
4.19.5	Perkaitan taraf pendidikan dengan kejayaan usahawan	195
4.19.6	Perkaitan tempoh perniagaan semasa dengan kejayaan usahawan	196
4.19.7	Perkaitan tempoh perniagaan keseluruhan dengan kejayaan usahawan	196
4.19.8	Perkaitan penarafan infrastruktur dengan kejayaan usahawan	197
4.19.9	Perkaitan taraf perkahwinan dengan kejayaan usahawan	198
4.19.10	Perkaitan penetapan matlamat (kesukaran) dengan kejayaan usahawan	198
4.19.11	Perkaitan penetapan matlamat (kejelasan) dengan kejayaan usahawan	200
4.19.12	Perkaitan penetapan matlamat (jangkauan masa) dengan kejayaan usahawan	201
4.19.13	Perkaitan penetapan matlamat (kepentingan) dengan kejayaan usahawan	203
4.19.14	Perkaitan penetapan matlamat (realistik) dengan kejayaan usahawan	204
4.19.15	Perkaitan personaliti (berorientasikan tindakan) dengan kejayaan usahawan	206
4.19.16	Perkaitan personaliti (berorientasikan keadaan) dengan kejayaan usahawan	207
4.19.17	Perkaitan pengetahuan (perancangan) dengan kejayaan usahawan	209
4.19.18	Perkaitan pengetahuan (kepimpinan sendiri) dengan kejayaan usahawan	210

4.19.19	Perkaitan pengetahuan (keimpinan antara insan) dengan kejayaan usahawan	211
4.19.20	Perkaitan pengetahuan (pengurusan sistem) dengan kejayaan usahawan	212
4.19.21	Perkaitan motivasi (keperluan pencapaian) dengan kejayaan usahawan	213
4.19.22	Perkaitan motivasi (keperluan afiliasi) dengan kejayaan usahawan	214
4.20	Analisis Regresi Berganda	215
4.20.1	Analisis regresi berganda bagi peramal kejayaan usahawan	216
4.21	Rumusan peramal-peramal kejayaan usahawan	226
4.22	Kesimpulan	230

BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	232
5.2	Rumusan hasil kajian	233
5.2.1	Objektif umum	233
5.2.2	Objektif-objektif khusus	234
5.2.3	Perkaitan di antara pemboleh ubah bebas dan fenomena kejayaan usahawan	235
5.2.4	Pemboleh ubah bebas yang paling mendominasi fenomena kejayaan usahawan	238
5.3	Implikasi kajian	240
5.4	Cadangan penyelidikan lanjutan	243
5.5	Perbincangan dan cadangan	244
5.6	Kesimpulan	268
5.7	Penutup	270

RUJUKAN	272
----------------	-----

APENDIKS A: Borang Soal selidik	299
--	-----



APENDIKS B: Output SPSS

314



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Sumbangan PKS kepada Ekonomi	5
1.2 Jumlah Output, Nilai ditambah dan Pekerjaan PKS	6
1.3 Definisi Industri Kecil dan Sederhana di Malaysia	23
3.1 Pemenang E50 dari tahun 1998 hingga 2008 mengikut negeri	111
3.2 Pemenang berulang dan tidak berulang E50 dari tahun 1998 hingga 2008 mengikut sektor	111
3.3 Pemenang E50 berulang dan tidak berulang dari tahun 1998 hingga 2008 mengikut negeri	112
3.4 Bilangan soal selidik	118
3.5 Maksud Nilai Dalam Julat Skala Bagi Faktor Penetapan Matlamat	120
3.6 Ukuran Penetapan Matlamat	121
3.7 Ukuran Personaliti	124
3.8 Ukuran Perancangan dan Pengorganisasian Dalam Dimensi Pengetahuan	126
3.9 Ukuran Kepimpinan Kendiri Dalam Dimensi Pengetahuan	127
3.10 Ukuran Kepimpinan Antara Insan Dalam Dimensi Pengetahuan	128
3.11 Ukuran Pengurusan Sistem Dalam Dimensi Pengetahuan	129
3.12 Ukuran Motivasi	131
3.13 Pengkategorian Skor Indeks EPSI	134
3.14 Ukuran Kejayaan Usahawan	135

3.15	Perbandingan Skala, Ciri-ciri, Aplikasi dan Penggunaan Statistik	139
3.16	Tafsiran Pekali Korelasi Pearson oleh McBurney	144
4.1	Taburan responden mengikut umur	152
4.2	Taburan responden mengikut jantina	153
4.3	Taburan responden mengikut taraf perkahwinan	154
4.4	Taburan responden mengikut taraf pendidikan	155
4.5	Taburan responden mengikut status bumiputera atau bukan	156
4.6	Taburan responden mengikut klasifikasi saiz IKS	157
4.7	Taburan responden berdasarkan tempoh berniaga perniagaan kini	158
4.8	Taburan responden mengikut tempoh pengalaman berniaga keseluruhan	159
4.9	Taburan responden yang pernah mengikuti kursus keusahawanan	160
4.10	Taburan responden mengikut jenis pengilangan	161
4.11	Taburan responden mengikut lokasi	162
4.12	Taburan persepsi usahawan terhadap kemudahan infrastruktur di lokasi	163
4.13	Min dan sisihan piawai bagi item-item kejayaan usahawan	165
4.14	Min dan Sisihan Piawai bagi Penetapan Matlamat - Kesukaran	166
4.15	Min dan Sisihan Piawai bagi Penetapan Matlamat - Kejelasan	167
4.16	Min dan Sisihan Piawai bagi Penetapan Matlamat – Jangkauan masa	168
4.17	Min dan Sisihan Piawai bagi Penetapan Matlamat – Kepentingan	169
4.18	Min dan Sisihan Piawai bagi Penetapan Matlamat – Realistik	170
4.19	Min dan Sisihan Piawai bagi Personaliti – Berorientasikan tindakan	171
4.20	Min dan Sisihan Piawai bagi Personaliti – Berorientasikan keadaan	172



4.21	Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan – Perancangan dan pengorganisasian	173
4.22	Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan – Kepimpinan sendiri	175
4.23	Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan – Kepimpinan antara insan	176
4.24	Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan – Pengurusan sistem	178
4.25	Min dan Sisihan Piawai bagi Motivasi – Keperluan pencapaian	179
4.26	Min dan Sisihan Piawai bagi Motivasi – Keperluan afiliasi	181
4.27	Keputusan Ujian Analisis Varian Sehala ke atas fenomena kejayaan usahawan berdasarkan umur	183
4.28	Keputusan Ujian Analisis Varian Sehala ke atas fenomena kejayaan usahawan berdasarkan taraf pendidikan	184
4.29	Keputusan Ujian Analisis Varian Sehala ke atas fenomena kejayaan usahawan berdasarkan tempoh perniagaan semasa	185
4.30	Keputusan Ujian Analisis Varian Sehala ke atas fenomena kejayaan usahawan berdasarkan tempoh perniagaan keseluruhan	186
4.31	Keputusan Ujian Analisis Varian Sehala ke atas fenomena kejayaan usahawan berdasarkan penarafan infrastruktur	187
4.32	Keputusan Ujian Analisis Varian Sehala ke atas fenomena kejayaan usahawan berdasarkan faktor penetapan matlamat	188
4.33	Keputusan Ujian Analisis Varian Sehala ke atas fenomena kejayaan usahawan berdasarkan faktor personaliti	189
4.34	Keputusan Ujian Analisis Varian Sehala ke atas fenomena kejayaan usahawan berdasarkan faktor pengetahuan	190





4.35	Keputusan Ujian Analisis Varian Sehalal ke atas fenomena kejayaan usahawan berdasarkan faktor motivasi	191
4.36	Pekali Korelasi di antara Jantina dengan Kejayaan Usahawan	193
4.37	Pekali Korelasi di antara Status dengan Kejayaan Usahawan	194
4.38	Pekali Korelasi di antara Umur dengan Kejayaan Usahawan	194
4.39	Pekali Korelasi Taraf Pendidikan dengan Kejayaan Usahawan	195
4.40	Pekali Korelasi Tempoh Perniagaan Semasa dengan Kejayaan Usahawan	196
4.41	Pekali Korelasi Tempoh Perniagaan Keseluruhan dengan Kejayaan Usahawan	197
4.42	Pekali Korelasi Penarafan Infrastruktur dengan Kejayaan Usahawan	197
4.43	Pekali Korelasi Taraf Perkahwinan dengan Kejayaan Usahawan	198
4.44	Pekali Korelasi Penetapan Matlamat (Kesukaran) dengan Kejayaan Usahawan	199
4.45	Pekali Korelasi Penetapan Matlamat (kejelasan) dengan Kejayaan Usahawan	201
4.46	Pekali Korelasi Penetapan Matlamat (jangkauan masa) dengan Kejayaan Usahawan	202
4.47	Pekali Korelasi Penetapan Matlamat (kepentingan) dengan Kejayaan Usahawan	204
4.48	Pekali Korelasi Penetapan Matlamat (realistik) dengan Kejayaan Usahawan	205



4.49	Pekali Personaliti (berorientasikan tindakan) dengan Kejayaan Usahawan	207
4.50	Pekali Personaliti (berorientasikan keadaan) dengan Kejayaan Usahawan	208
4.51	Perkaitan Pengetahuan (perancangan) dengan Kejayaan Usahawan	209
4.52	Perkaitan Pengetahuan (kepimpinan sendiri) dengan Kejayaan Usahawan	210
4.53	Perkaitan Pengetahuan (kepimpinan antara insan) dengan Kejayaan Usahawan	212
4.54	Perkaitan Pengetahuan (pengurusan sistem) dengan Kejayaan Usahawan	213
4.55	Perkaitan Motivasi (keperluan pencapaian) dengan Kejayaan Usahawan	214
4.56	Perkaitan Motivasi (keperluan afiliasi) dengan Kejayaan Usahawan	215
4.57	Analisis Regresi Prosedur "Stepwise" Bagi Fenomena Kejayaan Usahawan Bagi Peringkat Pertama	217
4.58	Analisis Regresi Prosedur "Stepwise" Bagi Fenomeno Kejayaan Usahawan Bagi Peringkat Kedua	218
4.59	Analisis Regresi Prosedur "Stepwise" Bagi Fenomena Kejayaan Usahawan Bagi Peringkat Ketiga.	220
4.60	Analisis Regresi Prosedur "Stepwise" Bagi Fenomena Kejayaan Usahawan Bagi Peringkat Keempat	222
4.61	Analisis Regresi Prosedur "Stepwise" Bagi Fenomena Kejayaan Usahawan Bagi Peringkat Kelima	225



4.62 Merumuskan Peramal-Peramal Kejayaan Usahawan Yang Diperolehi
Dalam Kajian Ini

226



SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
1.1	Pengagihan PKS dalam sektor perkilangan	7
1.2	Prestasi PKS	8
2.1	Kerangka Teoritikal Bagi Faktor Kejayaan Usahawan oleh Yurkiewicz (1996)	98
2.2	Kerangka Teoritikal Bagi Faktor Kejayaan Usahawan oleh Sun (2003)	99
2.3	Kerangka Teoritikal Bagi Faktor Kejayaan Usahawan oleh Valdez (2009)	99
2.4	Kerangka Teoritikal Bagi Faktor Kejayaan Usahawan	102
3.1	Langkah-Langkah Yang Terlibat Di Dalam Proses Pensampelan	114
4.1	Pembolehubah yang mempunyai kesan terhadap kejayaan usahawan	227



BAB 1

PENGENALAN KEPADA PERMASALAHAN KAJIAN



1.1 Latarbelakang Kajian

Tiga daripada lima usahawan gagal dalam jangkamasa enam tahun pertama beroperasi (Boone & Kurtz, 1990). Kadar kegagalan keusahawan jika dianalisa mengikut saiz perniagaan lebih membimbangkan di mana bagi keusahawanan yang mempunyai kurang daripada lima orang pekerja, 68 peratus gagal dalam tempoh lima tahun pertama dan bagi syarikat yang mempunyai antara lima hingga sembilan puluh sembilan pekerja, 48 peratus gagal dalam tempoh lima tahun yang pertama (Monk, 2000). Seterusnya, Osborn (1995) melaporkan bahawa sebahagian



besar usahawan cenderung untuk gagal kerana 90 peratus daripada perniagaan yang dimulakan telah ditutup dalam jangkamasa sepuluh tahun pertama.

Di Malaysia pula, situasinya tidak jauh berbeza di mana Raduan Che Rose *et al* (2006) juga mendapati bahawa hanya sepuluh peratus daripada perniagaan yang dimulakan berjaya dan terus wujud selepas sepuluh tahun. Perkara ini disokong melalui data yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (2002) di mana sebanyak 79,310 perniagaan telah ditutup pada tahun 2002 sahaja. Kadar kegagalan yang tinggi ini mempunyai kesan yang signifikan terhadap ekonomi sesebuah negara (Small Business Administration, 2001).

Selain memberi kesan terhadap ekonomi negara, kegagalan keusahawanan juga memberikan kesan emosi kepada usahawan itu sendiri. Ini kerana antara 75 hingga 81 peratus sumber pembiayaan keusahawanan adalah melalui wang simpanan sendiri (Stephen, 2002). Selain itu, kebanyakan usahawan juga menggunakan sumber yang diperolehi dari hakmilik keluarga yang dilaburkan ke dalam perniagaan tersebut (Chant & Morgan, 1994; DiBacco, 1987; Jacobs, 1991; Nadel, 1996). Jika perniagaan gagal kesannya semua pelaburan tersebut akan lenyap.

Mereka yang bekerja dengan perniagaan tersebut juga akan kehilangan pekerjaan. Kesan terhadap emosi disebabkan perniagaan yang rugi ke atas individu adalah sangat teruk (Shepherd, 2003). Kemurungan sedemikian boleh

menyebabkan sikap dan kesan psikologi negatif yang lain (Gross, 1998). Ini termasuklah tekanan perasaan, putus harapan dan resah melanda keseluruhan keluarga (Shepherd, 2003). Kesan lain seperti jaminan keselamatan keluarga, masa yang dihabiskan untuk perniagaan dan kesan keseluruhan ketandusan upaya akan dialami oleh usahawan (Maslach & Leiter, 1997). Juga akan terjadi hilangnya kepercayaan diri yang sangat mendukacitakan. Ini adalah merupakan risiko emosi yang menanti usahawan jika gagal (Monk, 2000; Small Business Administration, 2001).

Maka, di sini dapat dilihat kesannya terhadap kegagalan usahawan.

Persoalannya di sini, dalam kajian ini bukanlah untuk menyelidik kenapa begitu tinggi kadar kegagalan keusahawanan. Ini kerana untuk gagal tidak sukar. Kesan kegagalan keusahawanan juga tidak sukar dijangka seperti yang telah dihuraikan di atas. Sebaliknya, untuk berjaya amat sukar. Maka, kajian ini akan menyelidik bagi segelintir usahawan yang berjaya, apakah yang menyebabkan mereka itu berjaya. Adalah penting untuk mengkaji faktor kejayaan dan pertumbuhan IKS kerana terdapatnya banyak halangan yang dihadapi oleh IKS dalam usaha ke arah tersebut (Wolff dan Pett, 2006). Dalam menyelidik tentang usahawan, konteks yang bertepatan adalah Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kerana usahawan, keusahawanan dan IKS adalah saling berkait.

1.2 Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

Istilah “Industri Kecil dan Sederhana (IKS)” dan “Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)” digunakan secara silih berganti dalam kajian ini bagi merujuk kepada perkara yang sama. Ini kerana wujud penggunaan yang tidak konsisten di Malaysia berkenaan istilah ini. Sebagai contoh, dalam dokumen rasmi kerajaan menggunakan PKS, rujukan dalam Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menggunakan IKS dan media pula kadangkala menggunakan IKS dan kadangkala PKS. Istilah dalam Bahasa Inggeris adalah lebih konsisten iaitu *Small and Medium Enterprises* (SMEs). Maka, bagi tujuan kajian ini, istilah DBP akan diguna pakai melainkan apabila dipetik dari rujukan asal yang selain daripadanya.

Mengikut Laporan Tahunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)¹ 2007 yang dikeluarkan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, sumbangan PKS kepada ekonomi Malaysia adalah sangat besar di mana PKS mencakupi 99.2 peratus daripada jumlah pertubuhan perniagaan dan pada masa yang sama mewujudkan 5.6 juta peluang pekerjaan. Manakala, pencapaian PKS pada tahun 2007 adalah seperti berikut:

Jadual 1.1
Sumbangan PKS kepada Ekonomi

Prestasi PKS	2005 (%)
Sumbangan PKS kepada KDNK	32.0
Sumbangan PKS kepada guna tenaga	56.4
Bahagian PKS daripada jumlah eksport	19.0

Sumber: Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005 (dalam Laporan Tahunan PKS 2007)

Jika dibandingkan sumbangan PKS kepada KDNK negara iaitu sebanyak 32 peratus pada tahun 2005 seperti rajah di atas, ianya adalah agak kebelakang berbanding negara maju seperti Jepun dan Republik Rakyat China di mana sumbangan PKS mereka kepada KDNK adalah melebihi 55 peratus (Laporan Tahunan PKS 2007: 34).

Meskipun demikian, Laporan Tahunan PKS 2007 menegaskan bahawa PKS menggalakkan pemilikan perniagaan persendirian dan keusahawanan. PKS dianggap sebagai inkubator bagi tujuan membangunkan perusahaan tempatan menjadi perusahaan besar. Sehubungan itu, pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memacu pertumbuhan PKS. Antaranya ialah memberikan tumpuan terhadap PKS apabila merangka Rancangan Malaysia Kesembilan (RM9) dan juga dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) untuk tempoh 2006-2010 dan 2006-2015 masing-masing.



Antara sektor utama dalam PKS ialah sektor perkilangan. Pada tahun 2007 didapati PKS merangkumi 96 peratus daripada pertubuhan perniagaan dalam sektor perkilangan dan PKS menyumbang sebanyak 30.7 peratus daripada jumlah pengeluaran perkilangan (Laporan Tahunan PKS 2007: 38). Dari sudut sumbangan kepada peluang pekerjaan, sektor perkilangan PKS menyumbang lebih 400,000 peluang pekerjaan ataupun 31.6 peratus daripada jumlah tenaga kerja keseluruhan dalam sektor ini seperti ditunjukkan melalui rajah di bawah:

Jadual 1.2
Jumlah Output, Nilai ditambah dan Pekerjaan PKS


	Tahap Nilai*		Peratusan Bahagian Sektor Perkilangan (%)		Pertumbuhan
	2006	2007	2006	2007	2006-2007
Jumlah Output	88,266	94,356	29.31	30.74	4.91
Nilai Ditambah	17,798	19,251	25.66	26.33	8.16
Pekerjaan	402,496	413,397	31.21	31.62	4.91

*Tahap Nilai bagi Jumlah Output dan Nilai Ditambah adalah dalam RM juta

Sumber: Kaji Selidik Tahunan tentang Industri Perkilangan, Jabatan Perangkaan Malaysia, pelbagai keluaran (dalam Laporan Tahunan PKS 2007)

Dalam sektor perkilangan PKS terdapat beberapa sub-sektor jenis perusahaan yang dilakukan ianya terdiri daripada perusahaan makanan dan minuman, kimia dan produk kimia, getah dan produk plastik, produk logam pasang siap, logam asas, perabot, produk mineral bukan logam, kayu dan produk kayu dan sub-sektor lain. Perincian pengagihan sub-sektor PKS adalah seperti rajah 1.1 di bawah.





Sumber: Kaji Selidik Tahunan tentang Industri Perkilangan,
Jabatan Perangkaan Malaysia (dalam Laporan Tahunan PKS 2007)

Rajah 1.1
Pengagihan PKS dalam sektor perkilangan

Laporan Tahunan PKS 2007 juga melaporkan bahawa pertumbuhan PKS adalah pesat berkembang dengan kadar melebihi 5 peratus setiap tahun. Ini dapat dilihat melalui rajah 1.2 di bawah.





Sumber: Kaji selidik Tahunan tentang Industri Perkilangan, Jabatan Perangkaan, Malaysia (dalam Laporan Tahunan PKS 2007)

Rajah 1.2
Prestasi PKS

Kesimpulannya, berdasarkan statistik dan data di atas tidak dapat dinafikan bahawa sektor perkilangan PKS adalah penting kepada pertumbuhan ekonomi memandangkan ia merangkumi 96 peratus daripada pertumbuhan perniagaan dalam sektor perkilangan di Malaysia dan pada masa yang sama sektor perkilangan PKS menyumbang sebanyak 30.7 peratus daripada jumlah pengeluaran perkilangan negara (Laporan Tahunan PKS 2007: 38).

1.3 Penyataan masalah

Kejayaan dan kegagalan merupakan satu lumrah bagi individu yang bergelar ahli perniagaan termasuklah para usahawan. Menurut Osborn (1995), kebanyakan usahawan gagal dan 90% daripada perniagaan yang dimulakan di Amerika Syarikat telah ditutup dalam jangka masa 10 tahun. Begitu juga di

Malaysia di mana hanya 10% daripada perniagaan yang dimulakan berjaya dan terus wujud selepas 10 tahun (Rose et al, 2006). Malah, di Malaysia pada tahun 2002 sahaja sebanyak 79,310 perniagaan telah ditutup (Suruhanjaya Syarikat Malaysia, 2002) kerana kebanyakannya tidak berupaya untuk berdaya saing dengan berubah daripada pengurusan gaya usahawan kepada pengurusan yang lebih teratur secara profesional dan oleh itu, mereka gagal untuk menembusi pasaran selanjutnya (Hofer & Charan, 1984).

Tidak ada usahawan yang ingin gagal dalam perniagaan mereka. Namun, ada seribu satu sebab kenapa sesuatu perniagaan itu boleh gagal. Tidak sukar untuk menyenaraikannya kerana tidak sukar untuk gagal. Apa yang sukar ialah untuk memastikan sesuatu perniagaan itu berjaya. Hanya segelintir yang berjaya dan daripada golongan yang berjaya ini sesuatu boleh dipelajari iaitu faktor-faktor kejayaan mereka.

Untuk memastikan sesuatu perniagaan itu berjaya, terdapat banyak faktor berbeza yang mendorongnya. Faktor-faktor kejayaan perniagaan yang diusahakan oleh para usahawan tersebut pula adalah berbeza antara seorang usahawan dengan usahawan yang lain bergantung kepada jenis perniagaan, industri, sektor dan lain-lain perkara berkaitan yang mana perniagaan itu beroperasi. Sehubungan itu, adalah penting untuk mendefinisikan fokus yang jelas bagi kajian ini supaya faktor-faktor kejayaan perniagaan oleh usahawan yang dikaji adalah benar setakat satu tahap tertentu atau benar hanya dalam satu batasan tertentu sahaja.

Untuk tujuan tersebut, kajian ini memilih sektor perkilangan dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebagai parameter kajian kerana sektor perkilangan adalah merupakan sektor yang mana kadar pertumbuhan tahunan purata yang paling tinggi iaitu sebanyak 6.2 peratus yang mengatasi sektor perkhidmatan (Pelan Induk Perindustrian 3). Jika kadar pertumbuhan tahunan purata ini berterusan dan dengan dasar yang bersesuaian dilaksanakan oleh kerajaan, tidak mustahil pada suatu hari nanti sektor perkilangan akan mengatasi sektor perkhidmatan untuk menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK negara.

Oleh itu, kepentingan sektor perkilangan terhadap ekonomi negara tidak dapat dipertikaikan. Pada masa yang sama, sebahagian besar iaitu 97 peratus daripada sektor perkilangan di Malaysia adalah perusahaan yang bersaiz sama ada kecil atau sederhana yang juga dikenali sebagai Industri Kecil dan Sederhana (IKS) (Laporan Tahunan PKS, 2007). Oleh yang demikian, jika dilihat kepada Pelan Induk Perindustrian 1 (IMP1), Pelan Induk Perindustrian 2 (IMP2) dan Pelan Induk Perindustrian 3 (IMP3), IKS sentiasa diberi tumpuan untuk menggalakkannya berkembang dengan lebih pesat. Ini kerana kerajaan dilihat sebagai mengiktiraf peranan IKS dalam memacu sektor perkilangan untuk terus mencatat angka pertumbuhan yang lebih pesat.

Kesimpulannya, atas sebab-sebab yang dijelaskan di atas, adalah sangat penting untuk mengkaji faktor kejayaan PKS dalam sektor perkilangan di



Malaysia bagi membantu memahami apa yang menyumbang kepada kejayaan tersebut.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan di kalangan usahawan IKS dalam sektor perkilangan. Golongan usahawan adalah merujuk kepada orang yang mempunyai pemilikan dalam sesuatu perniagaan dan bertanggungjawab untuk perancangan, pengorganisasian, pengarah dan pengawalan sesuatu perniagaan tersebut. Usahawan adalah seseorang yang menunjukkan sikap atau tingkah laku yang termasuklah (a) mengambil inisiatif, (b) menerima risiko atau kegagalan, dan (c) menggabungkan sumber, bahan dan buruh untuk mencipta nilai bagi pelanggan (Hisrich & Peters, 1992). Menurut Lyon, Lumpkin & Dess (2000), seseorang usahawan juga menunjukkan tingkah laku seperti persaingan yang agresif, berinovasi, pro-aktif, pengambil risiko dan bersifat autonomi. Maka, pengkajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisa faktor kejayaan di kalangan usahawan yang terlibat dalam sektor perkilangan di Malaysia. Ini dilakukan melalui lima perspektif iaitu faktor demografi, penetapan matlamat, personaliti, pengetahuan dan motivasi yang butirannya dibincangkan dengan terperinci dalam Bab 2 iaitu berkenaan sorotan karya.



1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan ulasan yang dibuat di bahagian permasalahan dan skop kajian, wujud beberapa soalan yang dapat dijadikan dasar kepada kajian ini. Antara soalan yang timbul ialah;

- i. Apakah kejayaan usahawan dipengaruhi oleh faktor demografi?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan?
- iii. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan, apakah faktor yang paling mendominasi?

Segala soalan ini seharusnya dapat dijawab melalui kajian ini yang secara tidak langsung memberi penambahan nilai dalam pengkajian berkaitan dengan kejayaan usahawan.

1.6 Objektif Kajian

Bahagian ini akan memperbincangkan objektif-objektif yang diwujudkan bagi menjawab persoalan kajian sebelum ini. Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kejayaan di kalangan usahawan IKS yang bergiat dalam sektor perkilangan di Malaysia. Bagi memastikan objektif dapat dicapai dengan jayanya, objektif-objektif yang jelas seperti di bawah telah dikenalpasti:



1. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara faktor demografi dengan kejayaan usahawan.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara penetapan matlamat dengan kejayaan usahawan.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan kejayaan usahawan.
4. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan kejayaan usahawan.
5. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan kejayaan usahawan.
6. Menganalisa apakah faktor yang paling mendominasi kejayaan usahawan berdasarkan kaitan antara demografi, penetapan matlamat, personaliti, pengetahuan dan motivasi dengan kejayaan usahawan.



1.7 Hipotesis Kajian

Sehubungan itu, melalui objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan di atas, hipotesis kajian seperti di bawah dapat dibina:

- H₀₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor demografi dengan kejayaan usahawan.





- Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penetapan matlamat dengan kejayaan usahawan.
- Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan kejayaan usahawan.
- Ho4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan kejayaan usahawan.
- Ho5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan kejayaan usahawan.

1.8 Faedah Kajian



Kajian ini adalah penting kepada semua usahawan baru dan lama, semua organisasi pembiaya seperti bank, institusi kewangan serta juga pihak berkuasa yang terbabit dalam pembangunan sektor IKS. Ia amatlah penting secara khususnya berdasarkan sebab-sebab berikut:

- (1) Memberi pedoman kepada para usahawan baru, yang kurang berjaya mahupun yang gagal untuk mengambil iktibar daripada faktor-faktor yang mendorong kepada kejayaan para usahawan.
- (2) Pengetahuan berkenaan kenapa seseorang usahawan berjaya dan seorang yang lain tidak berjaya akan mempunyai daya penarik kepada organisasi





pemberi pinjaman dan pembiaya seperti bank dan institusi kewangan lain, organisasi francais seperti syarikat minyak dan rangkaian restoran dan pihak kerajaan dari sudut domestik (dalam bentuk pinjaman kepada perniagaan kecil dan sederhana dan usaha dalam program membendung kemiskinan).

- (3) Menyumbang dari segi teori berkenaan faktor-faktor mengapa seseorang usahawan berjaya dan seseorang yang lain gagal dalam konteks tempatan. Walaupun kajian ini tidak mengkaji usahawan yang gagal tetapi hakikatnya dalam dunia perniagaan hanya ada dua kemungkinan iaitu berjaya atau gagal atau dikenali sebagai saling menyingkir (*mutually exclusive*).



- (4) Memperkayakan kajian-kajian berkenaan isu-isu kelemahan usahawan dengan menyajikan kajian tentang faktor-faktor kejayaan usahawan supaya para penggubal dasar akan mempunyai lebih banyak rujukan ilmiah sebelum membuat dasar atau meluluskan sesuatu rang undang-undang yang boleh mengurangkan jurang pencapaian di kalangan usahawan.

- (5) Menyumbang pengetahuan kepada pihak berkenaan sama ada bantuan yang diberikan selama ini dalam memperkasakan PKS adalah berkesan atau tidak.





1.9 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa batasan yang perlu diambil kira seperti;

1. Tahap kejayaan di kalangan usahawan adalah menjadi fokus dalam kajian ini. Selain itu, responden dalam kajian adalah terbatas kepada usahawan IKS dalam sektor perkilangan sahaja.
2. Amat sukar untuk mendapat kerjasama daripada pihak usahawan untuk menjawab soal selidik penyelidikan. Pihak usahawan merasakan kurang berfaedah menjawab soal selidik kerana seakan-akan mendedahkan resepi kejayaan mereka kepada orang lain.
3. Untuk memastikan setiap responden rasa terjamin menjawab soal selidik, setiap responden telah diberi satu sampul surat untuk mengembalikan soal selidik tersebut. Penyelidik telah memungut soal selidik selepas dua minggu penghantaran. Tindakan ini terpaksa dilakukan bagi memastikan setiap soal selidik dapat dipungut kembali. Kos mengutip data adalah mahal manakala tindak balasnya kurang memuaskan.
4. Terdapat soal selidik yang menyentuh hal-hal pendedahan kewangan seseorang usahawan dan terdapat kemungkinan responden tidak suka menjawab soalan-soalan sedemikian.



1.10 Signifikan Kajian

Berkecimpung sebagai usahawan pada umumnya dianggap sebagai suatu profesion yang sukar kerana penuh dengan ketidaktentuan. Disebabkan itu tidak ramai individu yang mahu berkecimpung dalam dunia perniagaan dengan menjadi usahawan.

Kajian mengenai kejayaan usahawan perlu banyak dijalankan di Malaysia supaya masyarakat di Malaysia dapat menyedari dan mengambil perhatian tentang masalah usahawan, memahami punca-punca kejayaan usahawan dan bersama-sama menceburi atau setidak-tidaknya menggalakkan kewujudan satu golongan usahawan tempatan yang berjaya untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka dan juga sebagai pemangkin kepada ekonomi negara kita. Kajian faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan IKS dalam sektor perkilangan ini akan dapat menjadi asas untuk memahami isu kejayaan di kalangan usahawan IKS di dalam sektor perkilangan. Hasil kajian juga akan dapat merumuskan dan mengesahkan sama ada wujudnya fenomena kejayaan di kalangan usahawan dalam sektor perkilangan dan seandainya keputusannya tidak mengesahkan wujud kejayaan dari sudut persepsi mereka, maka penyelidik mungkin boleh mendapatkan jawapan. Apakah penyebab kepada ketiadaan persepsi kejayaan di kalangan usahawan IKS dalam sektor perkilangan?



1.11 Definisi Istilah dan Operasional

Definisi istilah dan definisi operasional ini adalah untuk membezakan antara istilah umum mengikut pemahaman kenayakan orang dan juga istilah operasional yang spesifik bagi tujuan kajian ini. Ini bagi mengelakkan kekeliruan tentang istilah bahasa dengan istilah operasional yang digunakan.

1.11.1 Definisi Istilah

Definisi istilah menjelaskan pengertian dari sudut bahasa bagi perkara yang dikaji. Ia membantu penyelidik untuk menjelaskan idea kepada orang lain secara yang mudah tentang maksud istilah dari segi bahasa. Ia juga bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan berbanding penggunaan definisi operasional. Definisi-definisi istilah yang digunakan di dalam kajian ini ialah mengikut sebagaimana istilah yang dirujuk dengan Dewan Bahasa dan Pustaka:

1. Kejayaan Usahawan: Perihal berjaya, kemenangan, hasil yang diperolehi oleh orang atau pengusaha yang mengusahakan sesuatu perusahaan.
2. Penetapan Matlamat: Perbuatan atau hal menetapkan; penentuan sesuatu sasaran.





3. Personaliti: Sifat dan sikap seseorang yang membentuk perwatakannya; keperibadian.
4. Pengetahuan: Maklumat yang diketahui berkenaan bidang tertentu bagi sesuatu penggunaan atau keadaan mengetahui atau apa-apa yg diketahui.
5. Motivasi: Keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan.
6. Usahawan: Orang atau pengusaha yang mengusahakan sesuatu perusahaan.
7. Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Perusahaan yang pusing ganti jualan tahunannya tidak melebihi RM25 juta, dan jumlah pekerja tidak melebihi 150 orang.

1.11.2 Definisi Operasional

Definisi operasional menjelaskan pengertian yang hendak dikaji. Ia membantu penyelidik untuk menjelaskan idea kepada orang lain. Ia juga bertujuan untuk mendefinisikan sesuatu konsep yang abstrak dalam bentuk yang konkrit. Definisi





operasional ialah untuk menentukan prosedur yang spesifik bagi melaksanakan kajian ke atas definisi konsep mengenai sesuatu objek, individu atau keadaan. Maka dengan cara ini dapat memberi peluang untuk mengkaji pemboleh ubah itu secara empirikal. Malahan ia dapat menggambarkan sesuatu konsep kepada bentuk yang boleh diukur. Definisi-definisi operasional yang digunakan di dalam kajian ini ialah:

1. Kejayaan Usahawan: Merupakan satu ukuran tentang persepsi para usahawan IKS dalam sektor perkilangan tentang kejayaan mereka. Ukuran dilakukan dengan menggunakan “Entrepreneurs’ Perception of Success Inventory” oleh Paige (1999).



2. Penetapan Matlamat: Secara amnya, istilah ini merujuk kepada bagaimana matlamat ditentukan apabila melakukan sesuatu perkara atau dalam konteks kajian ini ialah menentukan matlamat yang ingin dicapai apabila menjalankan aktiviti keusahawanan. Terdapat lima aspek dalam penetapan matlamat yang mempengaruhi sama ada matlamat tersebut boleh dicapai atau sebaliknya. Lima aspek tersebut adalah (1) kesukaran, (2) kejelasan, (3) jangkauan masa, (4) kepentingan, dan (5) realistik Secara teori dan lebih terperinci istilah ini dibincangkan dalam Bab 2.
3. Personaliti: Personaliti dalam konteks kajian ini merujuk kepada personaliti usahawan sebagaimana yang disebutkan dalam kajian-kajian





lepas iaitu sama ada seseorang usahawan tersebut bersikap mengambil tindakan secara pro-aktif (atau dirujuk sebagai berorientasikan tindakan) apabila menjalankan aktiviti keusahawanan atau pun mengambil sikap apabila hadir masalah baru cuba untuk mengatasinya (dirujuk sebagai berorientasikan keadaan).

4. Pengetahuan: Pengetahuan seseorang usahawan dalam menjalankan aktiviti keusahawanan yang merangkumi empat aspek seperti yang disebut dalam kajian-kajian lalu iaitu (1) perancangan dan pengorganisasian, (2) kepimpinan sendiri, (3) kepimpinan antara insan, dan (4) pengurusan



5. Motivasi: Motivasi dalam kajian ini merujuk kepada motivasi seseorang usahawan itu sama ada ke arah keperluan pencapaian (*needs for achievement*) atau pun ke arah keperluan afiliasi (*needs for affiliation*) selaras dengan yang dibincangkan dalam kajian-kajian berkenaan motivasi insan sebelum ini.

6. Usahawan: Usahawan dalam kajian ini adalah merujuk kepada dua ciri-ciri berikut: (1) usahawan yang dikategorikan sebagai usahawan IKS sepertimana definisi rasmi IKS di Malaysia, dan (2) terlibat dalam sektor perkilangan di Malaysia.





7. Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Istilah Industri Kecil dan Sederhana (IKS) atau Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) digunakan secara silih berganti dalam kajian ini bagi merujuk kepada perkara yang sama. Ini kerana wujud penggunaan yang tidak konsisten di Malaysia berkenaan istilah ini. Sebagai contoh, dalam dokumen rasmi kerajaan menggunakan PKS (seperti Lapoaran tahunan PKS 2007), rujukan dalam Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menggunakan IKS dan media pula kadangkala menggunakan IKS dan kadangkala PKS. Istilah dalam Bahasa Inggeris adalah lebih konsisten iaitu *Small and Medium Enterprises* (SMEs). Maka, bagi tujuan kajian ini, istilah DBP akan diguna pakai melainkan apabila dipetik dari rujukan asal yang selain daripadanya.



8. Definisi IKS: Definisi IKS yang diguna pakai adalah sebagaimana yang termaktub dalam definisi rasmi SME Corp (yang dahulunya dikenali sebagai SMIDEC) iaitu seperti di Jadual 1.4 di bawah:



Jadual 1.3
Definisi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia

	Enterpris Mikro	Enterpris Kecil	Enterpris Sederhana
Perkilangan, perkhidmatan berkaitan perkilangan dan industri asas tani	Nilai jualan tahunan kurang daripada RM250,000 atau pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang pekerja	Nilai jualan tahunan antara RM250,000 dan kurang daripada RM10 juta atau pekerja sepenuh masa antara 5 dan 50 orang pekerja	Nilai jualan tahunan antara RM10 juta dan RM25 juta atau pekerja sepenuh masa antara 51 dan 150 orang pekerja
Perkhidmatan, Pertanian Asas dan Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)	Nilai jualan tahunan kurang daripada RM200,000 atau pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang pekerja	Nilai jualan tahunan antara RM200,000 dan kurang daripada RM1 juta atau pekerja sepenuh masa antara 5 dan 19 orang pekerja	Nilai jualan tahunan antara RM1 juta dan RM5 juta atau pekerja sepenuh masa antara 20 dan 50 orang pekerja

Sumber: Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC) (dalam <http://www.smidec.gov.my>)

1.12 Pengorganisasian Kajian

Penyelidik membahagikan pengkajian kepada 5 bahagian. Bab 1 telah dibincangkan di bahagian ini. Bab 2 membincangkan mengenai Teori dan Hipotesis; mengulas mengenai kajian-kajian lepas bagi mencakupi matlamat kajian ini. Di bahagian ini juga akan memperbincangkan mengenai aspek kerangka teoritikal dan hipotesis yang diwujudkan berasaskan kepada ulasan yang dibuat.

Bab 3 membincangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan meliputi rekabentuk kajian, populasi, sampel dan kaedah persampelan, instrumen kajian, kajian rintis, kaedah pengutipan data dan penganalisan data. Bab 4 pula membincangkan mengenai dapatan kajian yang meliputi penggunaan statistik deskriptif dan inferen terhadap data-data yang telah diperolehi.

Bab 5 merumus, memberi kesimpulan dan cadangan pula akan diperbincangkan mengikut aspek pencapaian semua objektif di dalam kajian ini. Kesimpulan akan dilakukan berasaskan dapatan kajian. Implikasi dari hasil kajian akan turut diperbincangkan di samping membuat cadangan terhadap organisasi dan juga terhadap penyelidikan akan datang.

1.13 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini secara umumnya telah menjelaskan konsep kajian, perkara-perkara berhubung isu permasalahan yang menjadi teras kewujudan kajian ini, skop pengkajian, persoalan kajian, objektif, kepentingan, batasan dan definisi operasional yang digunakan di dalam kajian ini. Semua perkara yang dibincangkan ini merupakan dasar dan panduan yang digunakan di dalam bab-bab seterusnya.